Bil. 4/2021 I April I www.library.uitm.edu.my ISSN : 2735-1920

# IQRA'

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Perpustakaan Tun Abdul Razak

اقرأ

## BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

uitmlibrary | libraryuitm | libraryuitm | library.uitm.edu.my




m/s 9 Live@PTAR Bicara Khas Sempena Festival Semarak KLWBC 2020 Peringkat Kebangsaan: "Membaca Meningkatkan Nilai Diri"




Live@PTAR Bicara Pakar: "Peranan Majlis Raja-Raja Dalam Pentadbiran" m/s 10




Majlis Kemuncak Program Khidmat Masyarakat: Misi IQRA PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang m/s 14



m/s 17 Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit Ptar Kampus Permatang Pauh, Cawangan Pulau Pinang



World #QuranHour 2021/1442H Peringkat UiTM Cawangan Perak m/s 20

Hak Cipta Terpelihara PTAR

# UiTMCT DIGITAL *LIBRARY2U* KIOSK
## 1 APRIL 2021



***Disediakan oleh : Asmahani Abdullah***











Kiosk UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) Digital Library2U telah dibuka di tapak Program Interaktif bersama Maxis anjuran Maxis & Hal Ehwal Pelajar UiTMCT bertujuan untuk memberi panduan akses bahan digital perpustakaan, khususnya kepada para pelajar UiTMCT. Program yang diadakan pada 1 April 2021, Khamis, telah bermula pada jam 9.00 pagi hingga 1.00 tengahari di Pejabat Kolej Pantai UiTMCT. Antara promosi yang dilaksanakan adalah panduan log masuk kepada sistem perpustakaan dan akses kepada pelbagai koleksi digital perpustakaan UiTM. Inisiatif kecil tapi signifikan ini merupakan usaha staf sokongan Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT untuk mempromosi serta meningkatkan penggunaan sistem dan aplikasi digital perpustakaan di kalangan warga UiTMCT.

# TAKLIMAT PERPUSTAKAAN DIGITAL UiTM CAWANGAN TERENGGANU
## 8 APRIL 2021

BULETIN

***Disediakan oleh : Asmahani Abdullah***







Sempena dengan bulan Program Digital Library2U (Mac – Mei 2021), Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) Kampus Dungun dengan kerjasama Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam telah menganjurkan Taklimat Perpustakaan Digital pada 8 April 2021, Khamis. Sesi taklimat selama dua jam ini telah disampaikan oleh penceramah jemputan, Tuan Hj. Ahmad Faizar Jaafar, Pustakawan Kanan, PTAR UiTM Shah Alam, manakala Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT diwakili oleh Cik Asmahani Abdullah, Pustakawan Kanan, selaku moderator.

Objektif utama taklimat ini adalah untuk mempromosikan penggunaan semua sistem dan aplikasi Perpustakaan Digital UiTM di kalangan warga UiTM Cawangan Terengganu. Juga diselitkan beberapa soalan kuiz dengan hadiah yang menarik. Semoga perkongsian yang telah disampaikan dapat memberi manfaat kepada kesemua peserta yang hadir dan disebarluaskan kepada seluruh warga kampus.